



## KOLEJ PROFESIONAL MARA

Ayer Molek  
KM 16, Jalan Tiang Dua  
75460 AYER MOLEK  
MELAKA



Tel. : 06-2695 881 / 882

Faks : 06-2695 880

Laman Web : [www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my)

No. Rujukan Kami : KPMAM.700-1/1/1(7)

Tarikh : 27 Julai 2022

27 Zulhijjah 1443H

### Semua Pelajar Kanan KPMAM,

Saudara/saudari,

### MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR KANAN KOLEJ PROFESIONAL MARA AYER MOLEK (KPMAM) SESI 2 2022/2023 PENGAMBILAN JULAI

Perkara di atas dan memo pendaftaran daripada Bahagian Pendidikan Tinggi MARA bertarikh 26 Julai 2022 (MARA.600-3/1/2 JLD10 (76)) dengan hormatnya adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua Pelajar Kanan KPMAM Sesi 2 2022/2023 perlu mendaftar secara fizikal di KPM Ayer Molek pada **6 Ogos 2022 (Sabtu)** seperti ketetapan di Lampiran A.

3. Semua pelajar kanan perlu membayar Yuran Semester melalui portal MARAeps dan mendaftar secara dalam talian terlebih dahulu menggunakan "e-Form Daftar KPMAM" di pautan berikut: <https://tinyurl.com/5f8m8y4n> **selewat-lewatnya pada 6 Ogos 2022 (jam 11.59 malam)**.

4. Sila rujuk **Garis Panduan Kemasukan Pelajar KPM dan KM Sesi 2 2022/2023 (Kemaskini: 30 Jun 2022)**, **Garis Panduan Proses Pendaftaran Pelajar Kanan KPM Sesi 2 2022/2023 Pengambilan Julai** dan **Struktur Yuran Baharu KPM** untuk maklumat yang lebih terperinci berkaitan pendaftaran kolej, yuran semester dan pendaftaran kursus bagi mengelakkan denda lewat daftar kursus dikenakan sepertimana yang termaktub dalam Peraturan Akademik KPM Edisi 12 (2021).

Kerjasama saudara/saudari dalam perkara yang dinyatakan di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"LUAR BANDAR SEJAHTERA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**SAMSIAH BINTI KANDAR**

Pengarah

Kolej Profesional MARA Ayer Molek

Melaka

## LAMPIRAN A

### MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR KANAN KOLEJ PROFESIONAL MARA AYER MOLEK SESI 2 2022/2023

Tarikh	Masa	Kumpulan Pelajar
6 OGOS 2022 (SABTU)	9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari	Pelajar DIA Semester 2 dan ke atas
	2.00 hingga 5.00 petang	Pelajar DBS Semester 2 dan ke atas
	<i>**Sila isi Borang Deklarasi Kesihatan &amp; serahkan pada hari pendaftaran.</i>	

#### Nota Penting:

- 1) Pelajar perlu mematuhi prosedur pendaftaran seperti yang ditetapkan.
- 2) **Etika pemakaian** pada hari pendaftaran:
  - Pelajar siswa : Seluar *slack/khakis* panjang, kemeja/ t-shirt berkolar, kasut bertutup & rambut pendek dan kemas.
  - Pelajar siswi : Berpakaian menutup aurat, baju kurung / blaus & skirt/seluar & kasut bertutup.
- 3) Hanya pelajar yang sihat dan tidak bergejala dibenarkan mendaftar pada 6 Ogos 2022. Sekiranya pelajar bergejala, kurang sihat atau didapati positif COVID-19, sila maklumkan kepada Ketua Felo atau TPHEP dengan kadar segera dan emelkan sijil cuti sakit atau surat arahan kuarantin yang berkenaan ke emel TPHEP: [mahshitoh.musa@mara.gov.my](mailto:mahshitoh.musa@mara.gov.my).
- 4) Pelajar dinasihatkan untuk membawa ubat-ubatan yang diperlukan ke kolej (sekiranya telah menerima nasihat daripada pegawai perubatan bertauliah).
- 5) Pelajar digalakkan untuk membuat **ujian saringan sendiri COVID-19** sebelum kembali ke kolej.
- 6) Pelajar tidak dibenarkan *outing* / pulang bermalam pada 6 hingga 7 Ogos 2022.
- 7) Sila maklumkan dengan kadar segera kepada Ketua Felo/Felo Bertugas sekiranya pelajar mula bergejala selepas mendaftar.
- 8) Kuliah secara fizikal akan bemula pada **8 Ogos 2022 (Isnin)**.